


# Laporan Tahunan 2017



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR (SPN)







“ SESEORANG YANG JUJUR  
TIDAK AKAN  
MENYEMBUNYIKAN PERBUATANNYA ”

WUTHERING HEIGHTS, EMILY BRONTE



# VISI, MISI DAN OBJEKTIF

# VISI



MENDAPATKAN SUMBER TENAGA MANUSIA YANG BERKEBOLEHAN DAN KOMPETEN UNTUK BERKHIDMAT SELARAS DENGAN CABARAN MASA DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI.

# MISI



MEMBANTU KERAJAAN NEGERI DALAM MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERMUTU TINGGI.



MEMBERI PERKHIDMATAN YANG BERMUTU TINGGI, TELUS DAN BERKESAN DALAM MEMENUHI KEHENDAK “STAKEHOLDER” DAN PERKHIDMATAN AWAM.



## PIAGAM PELANGGAN

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

<b>01</b> 	Menawarkan calon lantikan kepada kerajaan Negeri Selangor dalam tempoh <b>8 minggu</b> dari tarikh keputusan Mesyuarat Lembaga SPN.		<b>07</b> 	Mengeluarkan keputusan pertukaran perkhidmatan dalam tempoh <b>2 minggu</b> selepas keputusan Mesyuarat Lembaga SPN.
<b>02</b> 	Mengeluarkan surat keputusan penamatkan perkhidmatan dalam tempoh <b>2 minggu</b> dari tarikh keputusan Mesyuarat Lembaga.		<b>08</b> 	Mengeluarkan surat keputusan tindakan tatatertib dalam tempoh <b>2 minggu</b> selepas keputusan Mesyuarat Lembaga Tatatertib SPN.
<b>03</b> 	Mengeluarkan keputusan pengesahan perkhidmatan dalam tempoh <b>2 minggu</b> dari tarikh kelulusan Pengerusi SPN.		<b>09</b> 	Mengeluarkan surat keputusan rayuan tatatertib dalam tempoh <b>2 minggu</b> selepas keputusan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib.
<b>04</b> 	Mengeluarkan surat Pelarasan Penetapan Gaji Permulaan dalam tempoh <b>2 minggu</b> selepas keputusan Mesyuarat Lembaga SPN		<b>11</b> 	Mengeluarkan keputusan pertukaran pelantikan melalui opsyen dalam tempoh <b>2 minggu</b> selepas keputusan Mesyuarat Lembaga SPN.
<b>05</b> 	Mengeluarkan keputusan pemberian taraf berpencen dalam tempoh <b>2 minggu</b> dari tarikh kelulusan Pengerusi SPN.		<b>12</b> 	Mengeluarkan keputusan urusan kenaikan pangkat dalam tempoh <b>2 minggu</b> dari tarikh keputusan Mesyuarat Lembaga SPN.
<b>06</b> 	Mengeluarkan surat kelulusan pelanjutan tempoh percubaan dalam tempoh <b>2 minggu</b> selepas keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga.		<b>13</b> 	Mencapai kepuasan pelanggan <b>85%</b> dalam penilaian kepuasan pelanggan tahunan.



"Pada akhirnya  
bukanlah tahun-tahun sepanjang  
hidupmu yang bermakna,  
namun hidupmu sepanjang tahun-tahun itu"

Kata kata Mutiara  
**ABRAHAM LINCOLN**  
(Presiden AS Ke-16)





# PERUTUSAN PENGERUSI





## PERUTUSAN PENGERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Pertamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat ilahi kerana dengan izin-Nya maka Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN Selangor) 2017 berjaya disiapkan sebagaimana tuntutan di dalam Bab 10 Perkara XCVII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Bagi tahun 2017 SPN Selangor telah melaksanakan urusan pengambilan bagi 16 skim perkhidmatan untuk mengisi 228 kekosongan pelbagai jawatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang melibatkan sebanyak 27,287 permohonan dan telah melaksanakan urusan pengambilan pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (Contract Of Service) yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun ke jawatan tetap bagi 5 skim perkhidmatan yang melibatkan 29 orang pegawai.

SPN Selangor juga telah menerima dua (2) permohonan pelantikan kontrak selepas bersara, 384 perakuan pengesahan dalam jawatan, 44 perakuan pelanjutan tempoh percubaan, 310 permohonan pemberian taraf berpencen dan 34 permohonan pelarasan gaji. Terdapat satu (1) orang pegawai gagal disahkan dalam perkhidmatan dan telah diambil tindakan penamatan perkhidmatan di bawah Peraturan 47 (1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Selain itu, SPN Selangor juga telah memperakukan 42 permohonan kenaikan pangkat secara hakiki dan 242 permohonan kenaikan pangkat secara 'Time Based' berdasarkan kecemerlangan. Pada tahun 2017 juga, SPN Selangor telah menguruskan sebanyak 18 kes Tatatertib dan 15 kes Rayuan Tatatertib. Keputusan-keputusan yang dibuat adalah melibatkan hukuman buang kerja dan turun pangkat bagi pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) 1995.

Saya selaku Pengerusi SPN Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Urusetia SPN Selangor serta pihak-pihak yang terlibat di atas kerjasama yang telah diberikan.

**YBhg Dato' Haji Emran bin Haji Kadir**  
D.S.S.A., A.M.N., S.S.A.  
**Pengerusi**

## PESAN

JIKA KAU BERIKAN DENGAN KEDUA TANGANMU  
YANG MENGALIR DARI HATI DAN KANDUNGAN  
DARI UJUD RASA YANG MAHA AGUNG  
AKAN KU TATANG IA DI DULANG HATIKU.

TELAH KITA TUNGGU SEJAK PERTAMA KALI HATI MENGUNTUM  
TIADA TERUSIK OLEH SEGALA SELISIH RASA  
SEBAB IA TINGGI MENGEPAK DI PUNCAK MENARA  
DENGAN KEDAMAIIANNYA DALAM JALINAN SETANGKAI SENYUM.

BILA IA MENJELMA DENGAN SUARANYA MEMANGGIL NAMA BAPA  
BISIKKAN PADANYA SEGALA KISAH YANG TERCIPTA  
ANTARA IBU DAN AYAH YANG MEWUJUDKAN NAMA SETIA.

USMAN AWANG — SINGAPURA, JANUARI 1964  
ANTOLOGI DURI & API



# RINGKASAN EKSEKUTIF



## RINGKASAN EKSEKUTIF

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Selangor (SPN Selangor) ditubuhkan di bawah Peruntukan Bab 10 Perkara XCVII(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 yang menyatakan "Maka hendaklah ditubuhkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang bidang kuasanya hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut, meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan awam Negeri."

Perkara XCVII (9) memperuntukan dengan jelas tugas dan fungsi Suruhanjaya sebagai kuasa untuk melantik, mengesahkan dan memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

Buku Laporan Tahunan SPN Selangor ini adalah bagi memenuhi kehendak Perkara XCVII (13) yang mengarahkan Suruhanjaya membuat laporan tahunan tentang kegiatan-kegiatannya kepada Duli Yang Maha Mulia dan salinan-salinan laporan ini hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

Buku Laporan ini juga mengandungi tugas dan fungsi Suruhanjaya sepanjang tahun 2016 meliputi mesyuarat-mesyuarat utama Suruhanjaya iaitu Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, Mesyuarat Lembaga Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dan Mesyuarat Rayuan Tatatertib. Selain itu, prestasi urusan perkhidmatan Suruhanjaya dan prestasi perbelanjaan bajet 2016 Suruhanjaya juga dibentangkan dalam buku laporan ini.

Pada tahun 2016 juga, Suruhanjaya telah menjalankan fungsi tambahan di dalam memasukkan ke jawatan tetap calon contract of service (COS) yang telah berkhidmat selama 15 tahun seiring dengan pelaksanaan PKPA bil 1/2016.




# KEANGGOTAAN SURUHANJAYA

## TIMBALAN PENGGERUSI

## PENGGERUSI

## KEANGGOTAAN SURUHANJAYA



**YBhg. DATO' HAJI EMRAN  
BIN HAJI KADIR**  
D.S.S.A., A.M.N., S.S.A.



**YBhg. DATUK SERI AB HAKIM  
BIN BORHAN**  
S.M.W., D.S.I.S., A.M.N., S.S.A., A.M.S., P.P.T.


## AHLI LEMBAGA



**YBhg. DATO' HAJI MOHD SHARIF  
BIN YUSOF**  
D.S.I.S., S.S.A., A.M.N.



**YBhg. PUAN ZABIDAH  
BINTI AWANG**  
S.I.S., A.M.S.



**YBhg. TUAN HAJI IDZAHAR  
BIN RASIDI**  
A.M.N., A.M.S., A.S.A., P.P.T.



**YBhg. DATO' HAJI ASMAWI  
BIN KASBI**  
D.S.I.S., S.M.S.



**YBhg. DATO' HAJI MOHAMAD ROSLAN  
BIN SAKIMAN**  
D.P.M.S., A.M.S., P.J.K.



**YBhg. DATO' HAJI MARZUKI  
BIN HUSSIN**  
D.S.I.S., S.M.S., A.M.N., P.J.K.



**YBhg. DATO' HAJI KAMARULZAMAN  
BIN JAMIL**  
D.P.M.S., A.I.S., S.I.S., P.P.T.



**YBhg. DATO' HAJI ZULKEPLI  
BIN AHMAD**  
D.P.M.S., S.M.S., A.S.A., P.P.T.



## KEANGGOTAAN SURUHANJAYA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR





# URUSETIA SPN



**SPN**  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor

# URUSETIA SPN







## URUSETIA SPN

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR



ROSLY BIN AHMAD



NOR HAFIZA BINTI ISHAK



SITI NORHAYATI BINTI MOKTI



AINIL HUDA BINTI MOHD SALLEH



NOOR AMILINA BINTI MUHAMMAD KAMAL



WAN NUR SYAHIRAH BINTI AZHAR



SITI ZULAIKHAH BINTI ABU SAMAH



SITI RAHMAH HAYATI BINTI AHMAD ZIN



**MOHARI BIN MISRAN**



**SITI HAWA BINTI MARSIO**



**NOOR ASYIKIN BINTI ABDUL AZIZ**



**MUHAMMAD ANAS BIN SAHID**



**MD SHARIFUDDIN BIN A RAHMAN**



**SUHALIAH BINTI ZAKARIA**



**AMIRUL AIMAN BIN RABIEN**



**MOHAMAD AZRUL BIN SHARIFF**




**SITI HAJAR BINTI MOHNI**



## CARTA ORGANISASI

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR







**BAHAGIAN PERKHIDMATAN**



# URUSAN PERKHIDMATAN





# PENGAMBILAN



*“Seperti mata yang tenang menunggu  
sesuatu yang seharusnya pulang.  
Akan sesak dadamu jika  
yang datang hanyalah  
aku sebagai kenangan”*

**Sebuah Usaha Melupakan,**  
*Boy Candra*



## DATA PENGAMBILAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Berikut adalah statistik pengisian jawatan tetap di bawah pentadbiran Negeri Selangor yang telah dilaksanakan oleh unit Pengambilan Suruhanjaya. Iklan kekosongan telah dibuat di tiga (3) akhbar utama iaitu Berita Harian, Sin Chew Jit Poh dan Tamil Nesan.

Suruhanjaya telah menerima 13,925 permohonan bagi 10 jawatan yang diiklankan yang mengisi 138 kekosongan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

### DATA PENGAMBILAN BAGI TAHUN 2017

BIL.	NAMA JAWATAN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH CALON BERJAYA
1	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41	1,765	12
2	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29	1,417	6
3	Penolong Jurutera Gred JA29	777 <i>(Permohonan 2016)</i>	26 <i>(Simpanan 2016)</i>
4	Penolong Pegawai Pertanian Gred G29	1,256	7
5	Penolong Pegawai Tanah Gred NT29	1,590	13
6	Penghulu Gred NP29	508	9
7	Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA19	627	7
8	Pembantu Penguat kuasa Gred KP19	2,561	2
9	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19	3,496 <i>(Permohonan 2016)</i>	50 <i>(Simpanan 2016)</i>
10	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19	4,141	6
11	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19	3,937	7
12	Juruaudio Visual Gred N19	590	4
13	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19	3,317	20
14	Pembantu Kemahiran Gred H19	1,388	9
15	Penghantar Notis Gred N11	1,395	17
16	Pembantu Operasi Gred N11	2,795	33
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>31,560</b>	<b>228</b>

"Jika kamu hanya  
membaca buku yang orang lain baca,  
kamu hanya bisa memikirkan  
apa yang orang lain piker"

Kata kata Mutiara  
**Norwegian Wood,**  
Haruki Murakami





# PENGAMBILAN COS KE TETAP






## PENGAMBILAN COS KE LANTIKAN TETAP SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Suruhanjaya telah menjalankan pelaksanaan pengambilan pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (*Contract of Service*) yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun selaras dengan pengumuman kerajaan persekutuan dalam pembentangan Belanjawan 2016. Dasar ini berkuatkuasa mulai dari tarikh 1 Julai 2016. Berikut adalah data pengambilan pegawai perkhidmatan kontrak (COS 15) ke lantikan tetap tahun 2017 yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

### PERKHIDMATAN KONTRAK (COS) KE LANTIKAN TETAP BAGI TAHUN 2017





# PENAMATAN



## SENARAI RINGKASAN PENAMATAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2017

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor telah menerima 1 (satu) Permohonan Penamatan Perkhidmatan daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Ketua Jabatan tidak memperakukan pegawai untuk disahkan dalam perkhidmatan kerana prestasi pegawai yang tidak memuaskan.

Bil.	PERKARA	MOHON	JUMLAH PERMOHONAN		DALAM TINDAKAN
			LULUS	TOLAK	
1	Penamatan	1	1	0	0
<b>JUMLAH</b>		1	1	0	0





# MESYUARAT



## MESYUARAT-MESYUARAT UTAMA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Terdapat 4 Mesyuarat Utama yang dijalankan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

Bagi memastikan Urusan Pentadbiran dan Perkhidmatan di Suruhanjaya ini dilaksanakan secara efektif dan efisien, Suruhanjaya telah menjalankan Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, Mesyuarat Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dan Mesyuarat Pengurusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor pada setiap bulan.

Manakala Mesyuarat Rayuan Tatatertib dijalankan sekiranya terdapat rayuan daripada pegawai yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib.





# PERMOHONAN URUSAN PERKHIDMATAN



## SENARAI RINGKASAN URUSAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2017

Bil	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN			TEMPOH(HARI)	
		Mohon	Tolak	Selesai	≤14	≥14
1	Pengesahan Dalam Perkhidmatan	384	14	370	370	1
2	Pemberian Taraf Berpencen	310	12	298	298	0
3	Pelanjutan Tempoh Percubaan	44	3	41	41	0
4	Penetapan Pelarasan Gaji Permulaan	34	2	32	32	0
5	Permohonan Kontrak Lepas Bersara	2	0	2	2	0
JUMLAH		774	31	743	743	1





# PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT



## KENAIKAN PANGKAT SECARA HAKIKI BAGI TAHUN 2017

Bil	Skim Perkhidmatan	Bilangan			
		Kekosongan	Permohonan	Hadir Temuduga	Berjaya Temuduga
1.	Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S22 ke Gred S26	1	1	1	1
2.	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 ke Gred S22	9	8	8	8
3.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 ke Gred N26	3	15	14	3
4.	Penghulu Gred NP32 ke Gred NP36	2	6	5	2
5.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S32 ke Gred S38	3	4	4	3
6.	Pen. Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred JA36 ke Gred JA38	2	1	1	1
7.	Penolong Jurutera (Mekanikal) Gred JA36 ke Gred JA38	1	1	1	1
8.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG48 ke Gred DG52	1	1	1	1
9.	Penolong Jurutera (Awam) Gred JA36 ke Gred JA38	5	3	2	2
10.	Penghulu Gred NP29 ke Gred NP32	2	2	2	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>29</b>	<b>42</b>	<b>39</b>	<b>24</b>

\* Kenaikan Pangkat (hakiki) dibuat secara kaedah temuduga



## KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BAGI TAHUN 2017


Bil	Skim Perkhidmatan	Bilangan			
		Permohonan	Lulus	KIV	Tolak
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG32 ke Gred DG34	70	70	0	0
2.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG29 ke Gred DG32	155	153	0	2
3.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 ke Gred N26	3	2	0	1
4.	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 ke Gred W22	4	3	0	1
5.	Pekerja Awam Gred R1 ke Gred R4	2	1	0	1
6.	Pembantu Syariah Gred LS19 ke Gred LS22	4	4	0	0
7.	Penolong Pegawai Syariah Gred LS29 ke Gred LS32	1	1	0	0
8.	Pembantu Am Pejabat Gred N1 ke Gred N4	2	2	0	0
9.	Pelukis Pelan Gred JA19 ke Gred JA22	1	1	0	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>242</b>	<b>237</b>	<b>0</b>	<b>5</b>

\* Pekeling Perkhidmatan Bil 8/2013 memperuntukkan kenaikan pangkat secara time based berdasarkan penjawat awam yang telah berkhidmat selama 13 Tahun.



## PERTUKARAN PELANTIKAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2017

Bil	Skim Perkhidmatan	Bilangan			
		Permohonan	Lulus	Tangguh	Tolak
1.	Pengawas Hutan <b>Gred G19</b>	1	1	0	0
2.	Pembantu Kemahiran <b>Gred H22</b>	1	1	0	0
3.	Pembantu Operasi <b>Gred N11</b>	1	1	0	0
4.	Pemandu Kenderaan <b>Gred H11</b>	1	0	0	1
5.	Pembantu Awam <b>Gred H11</b>	1	0	0	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>5</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>2</b>





# TATATERTIB



## LAPORAN KES TATATERTIB TAHUN 2017

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Urusetia SPN Selangor telah mengambil inisiatif penyampaian secara serahan tangan bagi menyampaikan notis (Surat Pertuduhan) bagi kes tatatertib kepada alamat terakhir pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib. Inisiatif ini adalah bagi mengurangkan kos penyiaran notis Pengiklanan di bawah Peraturan 26, Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) 1995 bagi kes Tidak Hadir Tanpa Kebenaran dan Tidak Dapat Dikesan.








## LAPORAN KES RAYUAN TATATERTIB TAHUN 2017

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

BIL	JABATAN	JAWATAN	KES
1	JAIS	PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM S19	TIDAK HADIR BERTUGAS
2		PEMB. TADBIR (P/O) GRED N19	TIDAK HADIR BERTUGAS
3		PEN. PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S29	TIDAK HADIR BERTUGAS
4		PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM S19	TIDAK HADIR BERTUGAS
5		PEMBANTU TADBIR (P/O) N19	CURI
6	JKR	PEMBANTU AWAM GRED H11	TIDAK HADIR BERTUGAS
7		PEMBANTU AWAM GRED H11	TIDAK HADIR BERTUGAS
8		PEMBANTU AWAM H11	TIDAK HADIR BERTUGAS
9		PEN. JURUUKUR BAHAN GRED JA29	TIDAK HADIR BERTUGAS
10	PDT SEPANG	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	KEMALANGAN (CUAI)
11		PENOLONG PEGAWAI TANAH NT29	TIDAK HADIR BERTUGAS
12		PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19	TIDAK HADIR BERTUGAS
13	PDT KUALA LANGAT	PEN. PEGAWAI TANAH GRED NT29	TIDAK HADIR BERTUGAS
14	PDT KLANG	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) W26	CUAI
15	PDT HULU LANGAT	PEMBANTU OPERASI N11	TIDAK BERADA DI TEMPAT BERTUGAS







# PENTADBIRAN





## MAJLIS PERPISAHAN DAN PERTUKARAN SETIAUSAHA

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR



Majlis perpisahan dan pertukaran Tuan Setiausaha Encik Abd Razak bin Maksud, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 ke Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri pada 28 September 2017. Beliau mula berkhidmat di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor mulai 5 Mei 2015.

Suruhanjaya mengucapkan jutaan terima kasih di atas sumbangan dan perkhidmatan yang diberikan sepanjang tempoh beliau di SPN. Banyak kenangan dan sumbangan yang diberikan oleh beliau, antaranya Sijil Pengiktirafan MS ISO 9001:2015, KPI HRMIS 100% dan Pencapaian 5 Bintang Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2016 daripada Ketua Audit Negara Malaysia.

Akhir kata Suruhanjaya ini mengucapkan selamat maju jaya di Jabatan yang baru semoga hubungan baik ini terus berkekalan demi untuk masa depan yang gemilang.

Warga Suruhanjaya mengalu-alukan kehadiran Encik Rosly bin Ahmad, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44 yang menanggung kerja Setiausaha mulai 10 November 2017 dan mendoakan agar beliau dinaikkan pangkat dan terus kekal berkhidmat di Suruhanjaya ini.



## PELUPUSAN REKOD

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor telah melupuskan rekod secara pemusnahan dokumen mengikut Arahan Perbendaharaan 150 dan Tatacara Panduan Pemusnahan Dokumen Kerajaan (Kewangan – Arkib 13/08) pada tahun 2017. Borang permohonan bagi Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan tahun diliputi daripada Tahun 1969 hingga 2012 adalah seperti berikut :

- i. Buku Daftar Bil.
- ii. Baucar Bayaran
- iii. Buku Panjar Wang Runcit
- iv. Buku Vot
- v. Slip Gaji
- vi. Penyata Caruman KWSP
- vii. Buku Sijil Gaji Akhir
- viii. Penyata Penyesuaian
- ix. Penyata Pinjaman Perumahan
- x. Penyata potongan Tabung Haji
- xi. Buku Pesanan Tempatan
- xii. Penyata Cukai Pendapatan
- xiii. Buku Gaji
- xiv. Laporan Amanah



1. *Surat permohonan kelulusan pelupusan kepada Pegawai Kewangan Negeri Selangor rujukan : SPN.Sel,100-12/3/1 (14) bertarikh 16 Ogos 2017.*
2. *Surat Kelulusan Pelupusan Rekod daripada Perbendaharaan Negeri Selangor rujukan : PWN.SEL.(A)400-3/1/1(14) bertarikh 24 Ogos 2017.*
3. *Penentusahan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (Kewangan –Arkib 13/08) bertarikh 13 November 2017.*



## LAWATAN DELEGASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK PADA 21 FEBRUARI 2017

Rombongan delegasi dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) di ketuai oleh Pengerusi SPANS YBhg. Datu Abdul Ghafur Shariff dan ahli rombongan seramai 23 orang Pegawai dan Kakitangan SPANS tiba di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor di Bangunan Darul Ehsan pada 9.15 pagi dan disambut oleh Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPNS) YBhg. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir dan Ahli Lembaga serta kakitangan SPNS.

Objektif lawatan adalah untuk mengeratkan silaturrahim di antara Pegawai, Ahli Lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, Pegawai dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor serta memberi pendedahan serta mewujudkan hubungan kerja (Networking) dan perkongsian ilmu (Knowledge sharing) antara Ahli Lembaga. Majlis berlangsung dalam suasana mesra dan harmoni. Seterusnya Ahli rombongan diraikan di Restoran Kenanga Kelab Shah Alam pada jamuan makan tengahari . Pada majlis tersebut diadakan majlis pertukaran cenderahati oleh kedua-dua pihak. Pengerusi dan Ahli Lembaga SPANS mengalu-alukan kunjungan balas dari SPN Selangor ke SPANS Sarawak. Program lawatan ini diakhiri dengan sesi bergambar kenang-kenangan.





“Pada akhirnya nanti,  
semua yang pernah hilang atau  
diambil dari diri kita  
akan kembali lagi kepada kita.  
Walaupun dengan cara  
yang tidak pernah kita duga”

Harry Potter and the Order  
of the Phoenix, J.K. Rowling



# KEWANGAN




## LAPORAN KEWANGAN

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor bagi tahun 2017 adalah sebanyak **RM2,173,829.00**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM1,981,230.90** atau **91.14%** telah dibelanjakan seperti pecahan dalam JADUAL 1.

JADUAL 1  
Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2017

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi (%)
1	B07	1,711,071.00	1,605,420.90	93.83
2	T03	462,758.00	375,810.00	81.21
	JUMLAH	<b>2,173,829.00</b>	<b>1,981,230.90</b>	<b>91.14</b>






## PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS B07

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Sebanyak **RM1,711,071.00** telah diperuntukkan di bawah maksud bekalan (B07). Perbelanjaan di bagi mengikut katagori seperti berikut **RM816,368.98** Emolumen, **RM811,585.02** Perkhidmatan dan bekalan, **RM79,097.00** Aset, **RM4,020.00** Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan sebenar pada tahun 2017 ialah **RM1,605,420.90** atau **93.83%**. Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2017 adalah seperti **JADUAL 2**.

**JADUAL 2**  
**Pecahan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus B07**

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi (%)
1	Emolumen(10000)	816,368.98	800,033.27	98.00
2	Perkhidmatan dan Bekalan (20000)	811,585.02	725,623.38	89.41
3	Aset (30000)	79,097.00	78,669.00	99.46
4	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (40000)	4,020.00	1,095.25	27.25
<b>JUMLAH</b>		<b>1,711,071.00</b>	<b>1,605,420.90</b>	<b>93.83</b>





## PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS T03



### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Sebanyak **RM462,758.00** telah diperuntukan di bawah maksud bekalan (T03). Dari jumlah itu sebanyak **RM372,235.00** untuk Emolumen, **RM23,323.00** untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan **RM67,200.00** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan sebenar pada tahun 2017 ialah **RM375,810.00** atau **81.21%**. Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2017 adalah seperti **JADUAL 3**.

JADUAL 3

Pecahan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus T03

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi (%)
1	Emolumen (10000)	372,235.00	353,400.00	94.94
2	Perkhidmatan dan Bekalan (20000)	23,323.00	10,410.00	44.63
3	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (40000)	67,200.00	12,000.00	17.86
JUMLAH		462,758.00	375,810.00	81.21





# AKTIVITI TAHUNAN 2017



## AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2017

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Audit Panjar Wang Runcit	3 Januari 2017
2	Audit Kewangan	31 Januari - 12 Julai 2017
3	Bengkel Pencapaian SKT 2016 dan Perancangan SKT 2017	10 - 12 Februari 2017
4	Lawatan SPA Sarawak Ke SPN Selangor	21 Februari 2017
5	Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Oleh SPRM	10 Mac 2017
6	Kursus ISO 9001:2015 'Pemahaman Dan Pelaksanaan'	19 - 20 April 2017
7	Hari Membaca	25 April 2017
8	Bengkel Pelupusan Rekod SPN Selangor	3 - 4 Mei 2017
9	Temuduga Kenaikan Pangkat	9 - 11 Mei 2017
10	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	9 Mei 2017
11	Majlis Perpisahan Penolong Pegawai Tadbir Puan Rosni Binti Kimin	22 Mei 2017
12	Malaysia #Quran Hour	19 Jun 2017
13	Sambutan Hari Raya SPN Selangor 2017	21 Julai 2017
14	Kursus Juru Audit Dalaman	6 - 7 September 2017
15	Penyerahan Sumbangan SPN Selangor Kepada Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah	September 2017
16	Temuduga Jawatan Pengambilan Baharu	17 Apr - 20 September 2017
17	Temuduga Pegawai Perkhidmatan Kontrak (COS) Ke Lantikan Tetap	17 Okt - 19 September 2017
18	Audit Dalaman (kualiti)	23 - 25 Oktober 2017
19	Majlis Perpisahan Setiausaha SPN Selangor Encik Abd Razak Bin Maksud	26 Oktober 2017
20	Bengkel Semakan Dokumen Dan Pelan Risiko MS ISO 9001:2015	29 - 30 November 2017
21	Audit Pemantauan Oleh SIRIM MS ISO 9001:2015	12 Disember 2017



## AUDIT PANJAR WANG RUNCIT & AUDIT KEWANGAN



## BENGKEL PENCAPAIAN SKT 2016 DAN PERANCANGAN SKT 2017



**IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)  
OLEH SPRM**



**KURSUS  
ISO 9001:2015  
'PEMAHAMAN  
DAN  
PELAKSANAAN'**

**HARI  
MEMBACA**



**MAJLIS  
PERPISAHAN  
PENOLONG  
PEGAWAI TADBIR  
PUAN ROSNI BINTI  
KASSIM**





MAJLIS  
#QURAN  
HOUR



SAMBUTAN  
HARI RAYA SPN  
SELANGOR 2017



PENYERAHAN  
SUMBANGAN SPN  
SELANGOR KEPADA  
PUTUS TAHFIZ DARUL  
QURAN IFTIQAYAH




MAJLIS  
PERPISAHAN  
SETIAUSAHA SPN  
SELANGOR  
ENCIK ABD  
RAZAK BIN  
MAKSUD

BENGKEL  
SEMAKAN  
DOKUMEN DAN  
PELAN RISIKO MS  
ISO 9001:2015



AUDIT  
PEMANTAUAN  
OLEH SIRIM MS  
ISO 9001:2015



"Aku akan selalu mencari sisi buruk  
dan baik pada orang orang.  
Aku melihat kejelekan dan  
kecantikan mereka.  
Dan aku bertanya bagaimana  
keduanya bisa sama"

The Book Thief, Markus Zusak



# PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN



## CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International hereby certify that

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR**  
TINGKAT 1, BANGUNAN DARUL EHSAN  
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14  
40000 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA.

has implemented and maintains a

### QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fulfills the requirements of the following standard

**ISO 9001:2015**

for the following activities

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT COVERING RECRUITMENT,  
CONFIRMATION IN SERVICE, CONFERMENT OF PENSION STATUS,  
PROMOTION, DISCIPLINARY ACTION AND TERMINATION OF SERVICE  
FOR STATE'S PUBLIC SERVANTS.

Issued on : 06 December 2016  
Validity date : 19 December 2019  
Certification Number : MY-JAR 6024

- IQNet -

Michael Drechael  
President of IQNet

Mohd Amanuddin Salleh  
Managing Director  
SIRIM QAS International Sdn Bhd



**IQNet Partners:**  
AFNOR Certification France, Vincotte Belgium, APCEC Singapore, CQC China, CQM China, COS Czech Republic, DQS Germany, KCSG Italy, QOC China, QCS Czech Republic, QKorea Korea, QSG Slovakia, QTC Thailand, QTCB Thailand, QTCB Philippines, QTCB Argentina, QCA Japan, QPS Korea, QNETC Greece, QNET Hungary, QNETA Australia, QNETC Mexico, QSI Slovenia, SIRIM QAS International, Bulgaria, SGS Switzerland, SRAK, Savaadne TEST, SPT Peninsular, Russia, TÜV, TÜVUS Serbia

\* IQNet is represented in the USA by AFNOR Certification, CQI, DQS Holding, QNET and NSAI Inc.  
\*\* This attestation is directly linked to the IQNet Partner's original certificate and shall not be used as a stand-alone document.  
\*\*\* The list of IQNet partners is valid at the time of issue of this certificate. Updated information is available under [www.iqnet-certification.com](http://www.iqnet-certification.com)



## SIJIL



- IQNet -

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR**  
TINGKAT 1, BANGUNAN DARUL EHSAN  
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14  
40000 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

**ISO 9001:2015**

QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements

Skop Pensijilan

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA MERANGKUM URUSAN PELANTIKAN,  
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN, PEMERIAN TARAF BERPENCEN,  
KINAIKAN PANGKAT, TINDAKAN TATATERTIB DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN BAGI ANGGOTA KERJA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI.

Tarikh dikeluarkan : 06 Disember 2016  
Tempoh sah : 20 Disember 2016 - 19 Disember 2019  
No. Pensijilan : AR 6024



Pengarah Urusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

<http://www.sirim.qas.my>  
<http://www.sirim-qas.com.my>

Peragangan sijil ini bertakrif sebagai pertama-pertama dan suatu-satu terjemah dalam Perjanjian bersama



## PENGHARGAAN

Suruhanjaya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama semua pihak dalam membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya sepanjang tahun 2017. Rakaman penghargaan ini ditujukan khusus kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, dan jabatan-jabatan peringkat negeri yang bekerjasama erat dalam urusan perkhidmatan dan tatatertib penjawat awam lantikan negeri.

Suruhanjaya juga mengucapkan terima kasih kepada urusetia Suruhanjaya di atas komitmen dan kesungguhan dalam memastikan integriti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dengan mengamalkan tadbir urus cekap di bawah Sistem MS ISO 9001:2015, Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan Penarafan Lima (5) bintang Indeks Akauntabiliti 2016 oleh Jabatan Audit Negara.

Kerjasama dan keperihatinan Kerajaan Negeri Selangor juga menjadi dorongan kuat kepada Suruhanjaya untuk terus menggandakan usaha dan iltizam dalam menjalankan fungsi Suruhanjaya secara telus dan adil. Di samping itu, Suruhanjaya berharap wujud kerjasama erat antara Suruhanjaya-suruhanjaya Negeri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia bagi melicinkan lagi urusan perkhidmatan penjawat awam ke arah melahirkan penjawat awam yang unggul.







*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor*

## **SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR**

Tingkat 1, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

T : 03-5511 1611 / 1711 F : 03-5510 1261

**<http://spn.selangor.gov.my/>**